

Pengajaran Yang Menyumbang Kepada Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Negeri Selangor

*Mohd Syaubari Bin Othman
syaubari@gmail.com*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

*Ahmad Yunus Bin Kassim
Yunus@fsk.upsi.edu.my*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan yang menyumbang kepada pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kajian secara kualitatif di Negeri Selangor yang melibatkan temubual dan pemerhatian bersama dua guru pendidikan Islam. Penentuan tema telah ditetapkan adalah berdasarkan pengumpulan secara temu bual dan pemerhatian serta kerangka konseptual. Hasil temubual itu ditadbir urus dengan program N'vivo versi 8 untuk menghasilkan tema dan jadual matrik berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan faktor pengetahuan, kemahiran dan persediaan adalah tema utama di dalam menyumbang kepada pelaksanaan KBAT di kalangan guru pendidikan Islam. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan di dalam corak kefahaman guru dari aspek konsep pengetahuan, kemahiran dan perancangan. Namun, kedua-dua guru menyedari kepentingan pelaksanaan KBAT ini dalam membentuk pelajar yang memahami, menghayati dan mengamalkannya. Konsep KBAT ini dilihat dari perspektif elemen menganalisis, menilai dan menjana idea terhadap isi kandungan pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan pemikiran secara kreatif dan kritis Keseluruhan daripada kajian ini memperlihatkan kepentingan untuk guru mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan perancangan di dalam membentuk serta seterusnya menepati kehendak pengajaran yang berteraskan KBAT

Kata kunci : KBAT, faktor menyumbang, guru Pendidikan Islam

ABSTRACT

This study aims to identify the practices that contribute to the implementation of higher order thinking skills (HOTS) among Islamic Education teachers. Qualitative study in the State of Selangor involving interviews and observations with two Islamic education teachers. Defining themes has been determined based on interviews and observations as well as conceptual frameworks. The results of the interview are governed by the N'vivo version 8 program to produce the theme and the corresponding matrix schedule. The findings show that knowledge, skills and preparation factors are the main themes in contributing to the implementation of HOTS among Islamic education teachers. However, there are differences in teachers' understanding of concepts, skills and planning concepts. However, both teachers are aware of the importance of implementing this HOTS in shaping students who understand, appreciate and practice it. The concept of HOTS is seen from the perspective of analyzing elements, evaluating and generating ideas on the content of Islamic education by using creative and critical thinking approaches. Overall, this study demonstrates the importance of teachers to enhance their knowledge, skills and planning in shaping and subsequently meeting the requirements of teaching based HOTS

Keywords: HOTS, contributing factors, Islamic Education teacher

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

PENGENALAN

Menurut Anderson (2002); Brookhart (2012) menyatakan pelaksanaan pengajaran perlu menerusi asas kemahiran berfikir untuk membolehkan manusia melihat pelbagai perspektif bagi menyelesaikan masalah di dalam sesuatu situasi tertentu. Manakala Onosko & Newmann (1994), mentakrifkan KBAT sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru khususnya pada proses pengajaran guru. Untuk itu, pengaplikasian KBAT ini memerlukan seseorang yang memahami, menterjemah, menganalisis, mentafsir dan memanipulasikan maklumat. Menurut pandangan al-Qabisi (1955) berfikir ialah fungsi akal yang memerhatikan tenaga supaya otak manusia dapat bekerja dan beroperasi. Untuk itu, salah satu kaedah di dalam menjana pemikiran KBAT ini adalah menerusi teknik penyoalan yang memerlukan kefahaman yang mendalam di kalangan guru dan pelajar KPM (2014).

Kepelbagaian di dalam teknik pengajaran merupakan keperluan di dalam melahirkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan Brookhart (2012). Untuk itu pengaplikasian teknik pengajaran yang berkesan berupaya mendorong dan merangsang pemikiran pelajar. Guru yang mempunyai kemahiran bukan sahaja berupaya mendorong dan merangsang pemikiran pelajar malah mampu meningkatkan keyakinan diri dan pelajarnya daripada bersifat pasif atau pendiam kepada pembelajaran yang lebih aktif. Ashraf (2014); Mohd Anuar (2014).

Penguasaan proses PdP secara menyeluruh adalah salah satu pendekatan yang di bahaskan sebagai teknik pengajaran berteraskan (KBAT). Pelaksanaan kepelbagaian kaedah dan teknik di dalam PdP berkemampuan untuk merangsang daya pemikiran seseorang pelajar menerusi pelbagai bentuk seperti penyolalan secara terus, penjanaaan idea secara kumpulan, jalinan kefahaman proses dan penilaian yang bersifat menyeluruh Brookhart (2012); Muhammad Sofwan & Roslinda (2015).


Untuk itu, menerusi konteks kajian penganalisaan faktor yang menyumbang amalan KBAT di dalam pengajaran guru dapat ditentukan. Seterusnya di akhir kajian, perbincangan menfokuskan kepada dapatan faktor-faktor yang menyumbang pelaksanaan KBAT ini untuk diterjemahkan dalam PdP oleh guru pendidikan Islam.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Amalan Pengajaran Guru Bersandarkan KBAT

Pembentukan amalan pengajaran ini dirumuskan berdasarkan teoritikal yang dibentuk daripada pandangan al-Qabisi dan Robert Glaser dengan merangkumi kajian-kajian terdahulu dan pandangan sarjana yang dikemukakan di dalam memastikan keberkesanan amalan pengajaran KBAT bersandarkan kajian-kajian yang terdahulu Al-Qabisi (1955); Robert Glaser (1983). Amalan pengajaran menurut al-Qabisi dan Robert Glaser diklasifikasikan kepada tiga iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Rajah 1.1 dan 1.2 menjelaskan kerangka teori menurut al-Qabisi dan Robert Glaser

Rajah 2.11 : Pelaksanaan PdP menurut al-Qabisi dan Robert Glaser



Sumber : Al-Qabisi, (1955); Robert Glaser (1983).

Permulaan Pengajaran

Permulaan pengajaran berdasarkan teori yang dibangunkan oleh Al-Qabisi dan Robert Glaser adalah merangkumi elemen perancangan pengajaran, objektif pengajaran dan pelaksanaan set induksi. Berdasarkan pandangan Mohd Aderi et al (2014) mencadangkan agar guru mempelbagaikan teknik pada peringkat awal pengajaran yang berperanan mencetuskan kefahaman awal dalam kalangan pelajar malahan berkemampuan memberi impak kepada nilai penghayatan pelajar. Kaedah ini juga mampu membantu pelajar untuk memberi tumpuan, mengingat, mengekalkan ingatan dan mengaplikasikan dalam amalan seharian. Mohd Anuar, (2015). Berdasarkan dapatan Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) strategi perancangan pengajaran adalah penting untuk membina dan mengukuhkan minat pelajar-pelajar terhadap pembelajaran melalui teknik soal jawab serta membimbing mereka supaya bersedia untuk meneruskannya secara sendiri. Perancangan yang baik memerlukan jalinan yang seiring dengan pembentukan objektif yang jelas, tepat dan menyeluruh.

Menerusi pandangan al-Qabisi (1955) menunjukkan ketegasan dengan meletakkan suatu kecuaiian kepada guru yang tidak meletakkan objektif yang rapi dalam tugas pengajaran. Untuk amalan pengajaran yang berkesan, guru pendidikan Islam seharusnya memilih objektif yang bertepatan kerana tiada satu objektif yang bertepatan bagi seseorang pelajar di sebabkan beberapa factor. Ini disebabkan wujudkan kepelbagaian tahap kognitif pelajar namun guru seharusnya menetapkan berdasarkan objektif yang berkeupayaan dicapai sekurang-kurangnya 80% untuk dilaksanakan oleh pelajar. Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah (2013).

Objektif jelas dan menyeluruh menetapkan keperluan kaedah penyoalan perlu dihasilkan dengan kemampuan pelajar untuk memahami, menyusun, menstruktur, mengaplikasi dan mensintesis idea seperti bagaimana hendak keimanan kepada Allah, Rasul, perkara-perkara *sami'iyat* dan hari akhirat tersebut dalam kehidupan seharian. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi (2011). Jalinan di antara perancangan dan objektif yang tepat akan menghasilkan permulaan pengajaran yang menarik menerusi pengklasifikasiannya sebagai pelaksanaan set induksi. Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli (2015).

Pelaksanaan set induksi ialah satu kaedah memulakan pengajaran di mana kemahiran memulakan pengajaran amat penting kerana pada peringkat ini guru meyampaikan ideanya kepada pelajar dan menanamkan ke dalam fikiran pelajar bahan-bahan pengajaran yang hendak disampaiannya. Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang (2011). Pelaksanaan kepelbagaian teknik ini juga bermatlamat menimbulkan minat, menggerakkan sikap pelajar untuk fokus di dalam proses PdP dan menghasilkan pengetahuan berkaitan tajuk yang akan di sampaikan menerusi konteks elemen yang terdapat di dalam KBAT iaitu menjana idea, menganalisis, menyelesaikan masalah dan menginterpretasikan kefahaman.

Perkembangan Pengajaran

Proses perkembangan pengajaran bersandarkan daripada teori daripada Robert Glaser (1983) dan al-Qabisi (1955) yang membahagikan perkembangan pengajaran kepada tiga elemen iaitu penyampaian isi pengajaran, pengayaan dan penggunaan bahan bantu mengajar. Proses perkembangan pengajaran ini perlu diselarikan dengan teknik penyooalan yang merangsang amalan KBAT

Proses perkembangan pengajaran merupakan komponen terpenting di dalam pengajaran yang menentukan hala tuju sama ada ianya ke arah keberkesanan atau kegagalan pengetahuan dan kefahaman untuk disampaikan. Menurut Edward (2008); Ashraf M. Zedan (2014) pendekatan penyooalan di dalam mata pelajaran pendidikan Islam yang berkesan dan boleh diaplikasikan menerusi proses perkembangan pengajaran guru iaitu (i) penyooalan semasa pengajaran, guru perlu memberikan soalan dengan jelas dan bersesuaian dengan tahap umur pelajar (ii) guru memberi contoh bagaimana jawapan kepada persoalan yang dapat membentuk kefahaman berkaitan tajuk yang diajar (iii) guru membina soalan yang dapat mengaitkan jawapan yang akan diberikan menerusi amalan kehidupan pelajar tersebut. Namun persoalan yang timbul, sejauh mana guru itu menguasai struktur kandungan soalan? dan bagaimana soalan itu dapat membentuk pelajar yang lebih faham dan menghayati?

Maka peranan guru adalah menggerakkan minda dengan disepadukan dengan pengetahuan dan kemahiran yang terperinci bagi memastikan pendekatan yang digunakan dapat memberi impak yang terbaik. Kesenambungan proses perkembangan ini, diteruskan menerusi pelaksanaan fasa penutup yang mengandungi elemen-elemen penyooalan yang berteraskan prinsip KBAT. Proses ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti merumuskan isi pengajaran dan menilai kefahaman pelajar

Penutup Pengajaran

Proses penutup pengajaran bersandarkan teori daripada Robert Glaser (1983) dan al-Qabisi (1955) yang membahagikan penutup pengajaran kepada dua elemen iaitu merumuskan isi pengajaran dan menilai kefahaman pelajar. Proses penutup pengajaran ini perlu diselarikan dengan teknik yang ditetapkan bagi merangsang amalan KBAT.

Pada peringkat penutup pengajaran, pendekatan refleksi, merumuskan isi pengajaran dan menilai dapat membantu pelajar berfikir secara kritis dengan memberi fokus secara eksplisit terhadap proses pemikiran. Perancangan yang teratur dan berstruktur berupaya menghasilkan pelajar yang meniti dan membentuk proses pemikiran kandungan pengajaran yang telah disampaikan. Robert Glaser (1983); Zamri Mahmud et al (2015). Kaedah yang berfikir dan teratur di dalam kelas berupaya mencapai matlamat akhir PdP. Secara keseluruhannya, faktor pelaksanaan kaedah penutup pengajaran yang berkesan memerlukan pengaplikasian amalan inkuiri dan kemahiran mampu mendorong penghasilan pembelajaran secara aktif. Oleh itu kemahiran dan pengetahuan di dalam mengadaptasikan pelaksanaan penutup pengajaran yang berkesan akan membantu pelajar membina pengetahuan, membentuk kemahiran menyelesaikan masalah dan meningkatkan ingatan di dalam jangka masa panjang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan secara kaedah kajian kes. Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada kefahaman bahawa dapatan kajian yang diperolehi akan lebih jelas dan tepat bersandarkan proses pengaplikasian KBAT di dalam kelas. Yin (2003). Untuk memperolehi maklumat secara terus dari peserta kajian, penentuan kajian lapangan menggunakan teknik analisis pemerhatian, temubual dan analisis dokumen dilaksanakan. Teknik pemerhatian yang digunakan adalah untuk mendapat maklumat secara mendalam berkaitan dengan tempat kajian, aktiviti dan ahli di tempat kajian serta makna kepada perkara yang diperhatikan dari perspektif peserta kajian. Patton (1990); Johnson & Christensen (2000). Untuk proses pengumpulan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian untuk semua aktiviti di dalam kelas agar mendapat gambaran yang sebenar berdasarkan senarai semak yang telah disediakan. Marohaini, (2004).

Data yang diperolehi semasa pemerhatian diperkukuhkan melalui temu bual separa berstruktur. Daripada temu bual, segala maklumat yang kurang jelas dan sukar didapati akan diperolehi. Ini kerana soalan yang dikemukakan semasa temu bual ialah soalan susulan untuk mencungkil penjelasan lanjut daripada peserta kajian tentang perlakuan yang ditunjukkan. Selain itu melalui temu bual pengkaji akan mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan peserta kajian. Ini jelas kerana menurut Patton (1990); Yin, (2003), temu bual kualitatif membenarkan pengkaji untuk mencungkil maklumat secara mendalam dari peserta kajian dan untuk memperolehi kefahaman mengenai sesuatu perkara dari sudut perspektif peserta kajian.

Pemilihan peserta-peserta ini adalah berdasarkan kepada kemampuan peserta untuk membekalkan maklumat yang diperlukan dan disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Selangor disebabkan keterlibatan sebagai guru sumber pendidikan Islam negeri. Selain itu, pengalaman mengajar subjek pendidikan Islam sepenuhnya dengan tempoh melebihi sepuluh tahun menepati kriteria yang ditetapkan

Bagi proses penganalisan data, data telah dianalisis melalui dua peringkat iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan. Seterusnya proses penganalisan data menerusi pemerhatian dan temu bual dilaksanakan menggunakan nvivo versi 8, di sini penyelidik dapat menentukan domain, tema, subtema. Kesemua tema ini menunjukkan konsisten di antara setiap peserta dan ditetapkan sebagai interpretasi data yang merupakan dapatan bagi kajian ini Creswell (2012).

Bagi penentuan kesahan dan kebolehpercayaan, pendekatan triangulasi antara setiap unit digunakan di dalam penyimpulan dan pengumpulan data melibatkan sembilan kali pemerhatian dan temu bual, pengesahan peserta kajian, nota lapangan dan memo serta etika kerja. Dapatan kajian ini bersifat komprehensif, holistik dan deskriptif menurut Othman (2007); Creswell (2012) tetapi ia tidak boleh digeneralisasikan kepada konteks, peserta dan tempat kajian yang lain disebabkan pendekatan kualitatif yang digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dibentangkan ialah data yang diperolehi daripada kajian kes dua orang guru peserta kajian dan dibentangkan mengikut setiap peserta kajian iaitu Guru A (peserta kajian 1) dan Guru B (peserta kajian 2). Analisis dapatan kajian tidak membandingkan antara Guru A dan Guru B tetapi menggabungkan kedua-dua analisis data untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena kajian dengan lebih mendalam. Latar belakang guru peserta kajian dibincangkan terlebih dahulu sebelum membuat pembentangan analisis data dan perbincangan berkaitan aras penyoalan di dalam pengajaran.

Latar Belakang Guru

Guru A berkelulusan Sarjana Muda Tamadun Islam, mendapat pendidikan iktisas Diploma pendidikan dari Institut Pendidikan Guru Darul Aman (IPDA) dan mempunyai pengalaman mengajar pendidikan Islam selama dua belas tahun. Guru A pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Panitia Pendidikan Islam selama tiga tahun disekolah tempat beliau bertugas. Guru B merupakan salah seorang Guru Cemerlang dan pernah menyandang jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah tempat beliau bertugas. Guru B berkelulusan Sarjana Kurikulum dan Pengajaran, mendapat pendidikan iktisas dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan mempunyai pengalaman mengajar subjek Pendidikan Islam selama tiga belas tahun. Subjek Pendidikan Islam merupakan opsyen semasa mengikuti Diploma Pendidikan bagi kedua-dua guru ini.

Permulaan Pengajaran

Pada peringkat permulaan pengajaran, kedua-dua guru menyatakan tahap pengetahuan dan kemahiran sahaja merupakan elemen yang perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan. Untuk itu, guru A mengemukakan beberapa soalan berkaitan pembelajaran lepas dengan tujuan meminta pelajar mengaitkan apa yang telah dipelajari dengan tajuk pengajaran semasa yang akan dipelajari mereka. Namun bagi guru B agak aktif menyoal, membentuk kumpulan dan melaksanakan peta minda kepada pelajar pada peringkat permulaan proses pengajaran dan adakalanya memanggil nama pelajar untuk melaksanakan aktiviti tersebut.

Guru B lebih gemar menyelitkan unsur kecindan di awal pengajaran semasa pelaksanaan set induksi untuk menyampaikan tajuk dan menetapkan objektif pengajaran. Setiap penerangan menggambarkan tahap pengetahuan dan kefahaman yang beliau hanya memerlukan fakta ringkas berkaitan konsep dan isi pelajaran lepas. Semasa pemerhatian, ada ketikanya Guru B terus menggunakan buku teks di peringkat permulaan pengajaran. Guru B terus mengemukakan soalan sehingga pelajar menyebut jelas tajuk pelajaran yang akan mereka pelajari. Sebagai contoh, semasa peringkat permulaan pengajaran tajuk keimanan kepada Allah, guru B menggunakan rajah yang ditampal di papan putih dan menyoal kepada pelajar,

“Apa matlamat kamu belajar di tahun lima ini?”, “ini apa kaitan kewujudan alam dengan beriman kepada Allah?”, “cuba kamu lihat di luar kelas?”, “apa

yang kamu nampak?”, ini apa?”, “selain pokok-pokok yang nampak ni, apa lagi yang kamu nampak berkaitan ciptaan Allah?jadi kamu rasa-rasa apa tajuk yang ustaz nak ajar pada hari ni?

Bagi penetapan objektif dan perancangan pengajaran, guru A dan guru B didapati menulis di dalam buku rancangan pengajaran harian (RPH). Penetapan objektif ini adalah disumberkan kepada sukatan yang telah ditetapkan oleh bahagian pembangunan kurikulum (KPM). Ini menyebabkan setiap guru mesti menetapkan objektif yang sama dan berasaskan kurikulum yang mengintergrasikan KBAT. Keseluruhan dapatan tema permulaan ini dapat dijelaskan menerusi jadual 4.1

Jadual 4.1 : Tema faktor permulaan pengajaran

Tema dan Kod	Amalan permulaan berdasarkan KBAT		Kekerapan	
	Sub Tema dan Kod		PK01	PK02
Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan, penguasaan penyoalan	Pengajaran dimulakan dengan menggunakan aras yang rendah		/	/
	Penyoalan dilaksanakan secara berperingkat daripada yang mudah sehingga kepada yang sukar		/	/
	Pemeringkatan pengajaran dilakukan berdasarkan sukatan KBAT yang ditetapkan oleh KPM		/	/
	Permainan digunakan untuk membentuk gambaran awal isi kandungan yang akan di ajar			/

Perkembangan Pengajaran

Semasa tahap perkembangan pengajaran, kedua-dua guru aktif menyampaikan penerangan menggunakan aras rendah, sederhana dan tinggi. Guru A menjelaskan

“Mula-mula saya bagi penerangan dulu, lepas tu baru saya bentuk kefahaman. Bila dah faham pindah buat aplikasi. Saya memang suka terangkan isi dari tahap mudah ke tahap susah”.

Guru B juga menyatakan

“Tengok, kalau misalnya pengenalan bagi aras pengetahuan dulu. Kalau pertengahan aras tinggi, ikut tajuk. Kalau kemahiran dalam pendidikan Islam selalu bagi aras kefahaman dan aplikasi la. Kalau bagi tafsir peta minda, gambar dan gambarajah memang boleh capai aras sintesis, analisis dan penilaian”.

Adakalanya siri penyampaian yang dikemukakan bersifat latih tubi sehingga membentuk dialog antara guru dan pelajar. Hal ini terjadi apabila kedua-dua guru mempunyai pengetahuan sama ada melibatkan pengetahuan secara jelas bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan. Adakalanya tahap kemampuan pelajar juga berperanan dalam menentukan sama

ada dapat memberi respon dengan tepat atau gagal. Malahan di dalam fasa pertengahan dijadikan medium untuk menyampaikan isi dan konsep pelajaran. Kedua-dua guru menggunakan penerangan aras rendah untuk menyokong aktiviti pengajaran di dalam menyampaikan isi dan konsep pelajaran. Umpamanya Guru A, semasa mengajar tajuk “*Beriman kepada Allah*”, beliau memulakan dengan menggunakan pengetahuan aras rendah

”Menerangkan maksud beriman kepada Allah? dalil kewujudan Allah”.

Guru B pula semasa mengajar tajuk beriman kepada Allah menggunakan aras pertengahan untuk memperkenalkan konsep keimanan kepada Allah

“Setiap hari kita dikehendaki solat, jadi kenapa kita perlu solat? berapa ramai daripada kamu semua yang dapat bersolat cukup lima waktu pada semalam?”

Kebiasaan pengetahuan beraras rendah ini menjadi permulaan untuk mendapatkan maklumat status pembelajaran semasa pelajar. Apabila pelajar berjaya menguasai tahap aras rendah ini, kedua-dua guru mula menaikkan aras kefahaman kepada peringkat yang lebih tinggi. Kefahaman aras rendah, sederhana dan tinggi dikemukakan berselang-seli dengan bentuk penyoalan yang mencampur beberapa soalan aras rendah, sederhana dan aras tinggi dalam satu siri soalan semasa mengajar

.”Apa dia ciri fizikal kejadian bumi?” , “Apa dia ciri fizikal bumi, ada apa kaitan fizikal bumi dengan tanda kekuasaan Allah?, Bagaimana kita sebagai manusia perlu mentaati perintah Allah?”.

Menerusi sesi pengajaran yang lain, Guru B telah menjelaskan kefahaman aras tinggi dan rendah secara berselang-seli semasa menyoal dan menghubungkan konsep beriman kepada Allah dengan tanda kekuasaan Allah.

“Cuba fikir, ada tak pokok dan tumbuhan di kawasan kita yang dapat kita perhatikan untuk kita ambik sebagai peringatan daripada Allah swt, Kita juga perlu memastikan pengetahuan yang mendalam mengenai kejadian alam ini menandakan kekuasaan Allah dan apa perlu dilakukan sebagai tanda kita beriman kepada Allah.

Guru B juga menyoal berkaitan maksud beriman kepada Allah.

“Imam diperlihatkan dan perlu menukarnya kepada kepada amalan seharian dan apa juga tanda seseorang itu telah beriman kepada Allah mesti menjuruskan kepada konsep keimanan kepada Allah?”.

Pada sesi pengajaran lain, Guru A menyampaikan penerangan aras tinggi dan rendah secara berselang-seli semasa menyoal hubungkait ciri alam ini dan kaitan keperluan manusia untuk menghayati penciptaan Allah ini sepenuhnya. Matlamat dilaksanakan pendekatan ini

adalah untuk mengelakkan timbulnya kekeliruan di kalangan pelajar dan seterusnya tidak memahami isi kandungan pengajaran yang disampaikan.

Apa yang menarik diperingkat perkembangan pengajaran ini, penerangan sehalu digunakan oleh kedua-dua guru untuk menyokong aktiviti pentaksiran yang lain iaitu *seatwork* dan latihan. Guru A mengemukakan pandangan aras sederhana iaitu aplikasi untuk melancarkan aktiviti latihan mengukur kecenderungan pelajar dan sebagai panduan sehingga pelajar mendapat membentuk kefahaman yang tepat. Dengan berpandukan gambarajah yang dilukis di papan putih, bagaimana perhubungan rukun iman itu terhasil

Hubungan setiap rukun Iman, cara kita menyatakan dan memahami iman kepada Allah dan ganjaran yang akan diperolehi bagi orang yang beriman kepada Allah?

Selain itu "Guru A", ketika memberi arahan kepada pelajar menerusi rajah yang dilukis di papan hitam semasa membuat aktiviti berkaitan Rukun Iman dan bertanya,

"ha, tengok sini kaitan di antara setiap rukun iman tersebut" murid-murid, jadi bagaimana rukun iman dapat membentuk penghayatan agama kita?

Keseluruhannya, faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan KBAT ini membentuk dan memandu pelajar untuk lebih berfikiran terbuka, mempelbagaikan idea serta menghasilkan perwatakan yang lebih bersifat penghayatan. Dapatan seperti di dalam jadual 4.2

Jadual 4.2 : Tema amalan penyoalan perkembangan

Amalan perkembangan berdasarkan KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Pengetahuan, kemahiran dan proses perancangan	Penerangan dilaksanakan menerusi konteks situasi semasa	/	/
	Perancangan pengajaran dilaksanakan bersifat pengamalan seharian yang dilakukan oleh pelajar		/
	Isi kandungan berfokuskan untuk pelajar untuk berfikir dalam memberikan jawapan	/	/
	Kepelbagaian tahap tingkatan aras isi kandungan daripada yang mudah kepada yang sukar	/	

Penutup pengajaran

Pada peringkat penutup pengajaran, Guru B didapati bersikap pasif dalam melaksanakan pengajaran. Beliau sekadar menyampaikan penerangan menggunakan tahap aras rendah untuk memastikan pelajar memahami dan menguasai pembelajaran dan memerlukan jawapan sekadar

ya serta tidak. Manakala guru A masih aktif mempelbagaikan pendekatan sehingga pelajar membuat rumusan isi dan konsep pelajaran yang telah mereka pelajari. Ini disusuli dengan penghasilan ujian bagi memastikan pelajar menguasai tajuk yang telah di ajar. Ini kerana ada antara idea yang dibentuk dengan meminta pelajar membuat penilaian terhadap isu berkaitan isi dan konsep pelajaran yang telah diajar. Umpamanya dengan menggunakan peta minda, beliau menyarankan kepada pelajar “ *peristiwa yang terjadi pada manusia sekiranya tidak mensyukuri dan beriman dengan sepenuhnya kepada Allah?, oleh itu semua manusia mengetahui kepentingan beriman ini kepada Allah*” Keseluruhan dapatan tema penutup ini dapat dijelaskan menerusi jadual 4.3

Jadual 4.3 : Tema amalan penyoalan penutup

Amalan penutup berdasarkan KBAT		Kekerapan	
Tema dan Kod	Sub Tema dan Kod	PK01	PK02
Pengetahuan, pelaksanaan isi kandungan dan kemahiran melaksanakan ujian	Rumusan semasa penutup dilaksanakan menerusi konteks situasi semasa	/	
	Ujian dilaksanakan untuk menilai pencapaian pelajar		/
	Isi kandungan berfokuskan untuk pelajar berfikir bagi merumuskan isi pengajaran	/	/
	Kepelbagaian tahap kefahaman pelajar di dalam menilai daripada yang mudah kepada yang sukar	/	/

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kedua-dua guru menunjukkan faktor pengetahuan, kemahiran dan perancangan di dalam pelaksanaan pengajaran merupakan elemen yang perlu dititikberatkan oleh guru. Ini bermakna kedua-dua guru percaya bahawa penggunaan pelbagai pendekatan menjadikan proses pengajaran mereka lebih menarik dan mampu meningkatkan pembelajaran pelajar. Ab Halim (2011); Zamri Mahmod et al (2015). Amalan kedua-dua guru di dalam amalan pengajaran memperlihatkan corak tertentu iaitu rendah, sederhana dan tinggi serta menunjukkan kefahaman berkaitan kepentingannya berdasarkan keperluan pelajar dan objektif pembelajaran. Ini kerana amalan perlu dimulakan dengan aras rendah semasa permulaan sesi pengajaran dan diikuti aras sederhana dan tinggi semasa pertengahan dan penutup pengajaran. Aras yang rendah dijadikan panduan untuk memulakan aktiviti pengajaran. Brookhart (2012); Ashraf (2014).

Begitu juga pendekatan kemahiran berfikir aras rendah yang digunakan oleh kedua-dua guru adalah untuk melihat status kefahaman pelajar terhadap konsep dan isi pelajaran yang diajar. Selain itu guru juga mengaitkan konsep dan isi pelajaran lepas dengan konsep dan isi pelajaran semasa supaya pelajar boleh membuat perkaitan terutama di dalam sub tajuk kemahiran pendidikan Islam. Pendekatan ini di kemukakan semasa guru menyampaikan konsep dan isi pelajaran dengan matlamat untuk mendapatkan maklumat status kefahaman pelajar

supaya guru boleh mengubahsuai pengajaran mengikut keperluan pelajar dan memberi maklum balas serta merta sekiranya berlaku salah faham berkaitan konsep dan isi pelajaran.

Manakala dari konteks amalan penggunaan aras sederhana adalah bagi mengetahui bagi maklumat tentang status pembelajaran dan dikemukakan selepas mereka mengajar konsep. Aras ini ditetapkan untuk memastikan pelajar telah menguasai konsep dan isi pelajaran sehingga membolehkan mereka mengaplikasikannya di dalam situasi berlainan. Bagi peringkat bahagian kemahiran mengenai pendidikan Islam, aras aplikasi memberi kelebihan untuk pelajar meningkatkan kemahiran pendidikan Islam seperti menyatakan definisi beriman kepada Allah, menyatakan konsep beriman, mengira bagaimana konsep keimanan dapat dihayati oleh pelajar. Kefahaman aras aplikasi adalah bertepatan dengan objektif pembelajaran iaitu pelajar berkemahiran menyatakan sesuatu berdasarkan situasi yang berlainan.

Bagi kefahaman aras analisis digunakan untuk mendapatkan maklumat terhadap keupayaan pelajar dalam membuat perkaitan di antara konsep dan isi pelajaran. Umpamanya dalam subtopik hubungan Qada' dan Qadar dengan perlakuan manusia, kedua-dua guru mengabungkan konsep keimanan berkaitan Qada dan Qadar dan perlakuan manusia. Kedua-dua guru menggunakan pendekatan aras tinggi untuk merangsang pelajar di dalam kelas untuk mengapikasi pemikiran secara optimum. Mohd Anuar et al (2014); Mohd Aderi et al (2014). Ini kerana pendekatan pengajaran menggunakan aras sederhana dan tinggi sesuai untuk digunakan bagi kumpulan pelajar pelbagai kebolehan. Kaedah penyoalan penilaian kebiasaannya digunakan untuk mendapat maklumat keupayaan pelajar menggunakan konsep dan isi pelajaran bagi mentafsir peta minda, carta, graf, rajah dan gambarajah.

Walaupun penggunaan kaedah ini melibatkan pelbagai aras namun kedua-dua mereka lebih banyak memberi tumpuan kepada kefahaman aras sederhana dan aras tinggi iaitu aplikasi, analisis dan penilaian. Proses kefahaman aras rendah pula sering dikemukakan terlebih dahulu di ikuti kefahaman aras sederhana dan tinggi. Kefahaman aras sederhana dan tinggi memerlukan penjelasan yang pendek sekiranya berkaitan fakta atau isi pelajaran manakala penjelasan yang lebih panjang diperlukan apabila membuat penjelasan lebih terperinci. Penerangan bagi peringkat aras tinggi lebih terbuka dan kedua-dua guru gemar menggunakan kaedah autentik berdasarkan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat. Mereka juga bijak menggunakan persekitaran fizikal, konsep dan budaya setempat untuk menggalakkan pelajar berfikir pada aras tinggi melalui perkaitan di antara teori dan praktikal

Ini kerana isi kandungan pengajaran yang bersifat pelbagai membolehkan pelajar berfikir, membuat perkaitan secara kritikal, mengapikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai. Ia kelihatan agak mudah diaplikasikan kerana ini sangat rapat dengan pemikiran pelajar. Guru A bertindak melontarkan kefahaman aras tinggi dengan memperbanyakkan interaksi dengan pelajar. Apabila menerima respon daripada pelajar, beliau bertindak memberikan maklum balas berkaitan penerangan yang dilontarkan. Beliau memberi maklum balas dengan cepat setiap yang dikemukakan.

Guru B juga bertindak sedemikian. Namun beliau selalu memberikan beberapa maklumat tambahan untuk pelajar memikirkan jawapan yang tepat. Kedua-dua guru juga

menggunakan bahan bantu mengajar terutama gambar rajah yang dilukis di atas papan putih untuk membantu mengemukakan penerangan secara lebih berkesan. Malahan bagi subtopik tertentu guru menggunakan bahan bantu mengajar seperti kad imbasan, carta dan tayangan gambar untuk membantu melancarkan lagi aktiviti soal jawab lisan.

Secara keseluruhannya, pengaplikasian amalan berteraskan konsep KBAT dalam kalangan guru sememangnya wujud, cuma ia tidak distrukturkan di dalam keadaan yang tersusun mengikut aras rendah, sederhana dan tinggi. Selain itu, penambahbaikan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan persediaan untuk menghasilkan pengajaran yang mengandungi elemen KBAT juga perlu dilakukan oleh guru agar komposisi isi kandungan tajuk tidak akan terpisah. Menerusi kajian ini juga menunjukkan pendekatan yang dilakukan oleh guru lebih membentuk kefahaman pelajar menerusi penglibatan pelajar sama ada secara mempelbagaikan aktiviti, menginterpretasi idea, menganalisis isi kandungan dan menghuraikan pernyataan yang dikemukakan. Bagi penglibatan pelajar menerusi amalan pembelajaran memperlihatkan pola kefahaman pelajar lebih tertumpu kepada penggunaan pendekatan penerangan, permainan dan kontekstual yang dilaksanakan oleh guru.

RUMUSAN

Keseluruhan kajian ini menggambarkan sememangnya terdapat amalan KBAT menerusi pengetahuan, kemahiran dan persediaan di dalam amalan pengajaran guru. Kepelbagaian aras penerangan ini disertakan dengan kandungannya yang menepati aras pemikiran tahap tinggi mampu mencetuskan elemen pemikiran dan cetusan yang berstruktur dan berkualiti seterusnya menghasilkan kejelasan kefahaman kepada pelajar mengenai sesuatu isu. Untuk itu, amalan pengajaran yang menitikberatkan pengetahuan, kemahiran dan persediaan berupaya memperdalamkan kefahaman pelajar dan mengupayakan pelajar untuk memahami seterusnya mengaplikasikannya di dalam konteks amalan seharian.

RUJUKAN.

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah ;Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Ashraf M.Zedan. (2015). *An innovative Teaching Method in Islamic Studies: the Use of PowerPoint in University of Malaya as Case Study*. Procedia - Social and Behavioral Sciences 182, 543 – 549
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2010). *Pendidikan di Malaysia*. Putrajaya ; Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Brookhart, S. M. (2012). Expending Views About Formative Classroom Assessment: A Review of the Literature, dalam McMillan J. H (eds). *Formative Classroom Assessment: Theory into Practice*. New York. Teachers College Press. 43–62..
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research : Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Boston; Pearson Education In..
- Edward de Bono (2008) *Frames For Thinking About Information*. Thinking In Teachers And Students: Diverse Perspectives. Forth Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Johnson & Christensen, & Johnson, R. B., & Christensen, L. B. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- Marohaini, (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman Kerja Kajian Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Mohd Anuar Mamat. (2014). *Teknik Soal-Jawab Dalam Pengajaran Imam Abu Hanifah (M.150H/767M): Suatu Analisis Terhadap Kitab AL- 'ALIM WA AL-MUTA' ALLIM*
The Online Journal Of Islamic Education Special Issue.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Fuad Othman, Maimun Aqsha Lubis. (2014). *Pengajaran Berkesan Berasaskan Kaedah Kontekstual Dalam Pendidikan Islam*. Prosiding. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10).
- Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli. (2015). *Penyoalan Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Kajian Kes Dua Orang Guru Sekolah Rendah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5.
- Onosko, J. J, & Newmann, F. M. (1994). *Creating More Thoughtful Learning Environment*. in Mangieri, J. & Blocks, C. C. (Eds.). *Creating Powerful*.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan kualitatif, pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim : Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, (1990). *Qualitative evaluation and research method*. Thousasnd, Osaka, CA: Sage.
- Robert Glaser. (1983). *Cognitive and motivational aspects of instruction: selected International Congress papers*. Amsterdam: Elsevier.
- Rosnaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang. (2011). *Kemahiran berfikir*. Puchong, Selangor ; Penerbitan Multimedia.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2013). *Kemahiran Komunikasi Interpersonal Ekspresif: Mencipta Guru Bahasa Indonesia Yang Penyayang*. Journal

Of Language Studies 13(1): 139-154.

Yin, R. K. 2003. *Case Study Research: Design and Methods*. 3rd ed. Thousand Oaks: Sage Publication.

Zamri Mahmod, Umi Nadiha Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2015). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Prosiding ASEAN Comparative Education Research Conference.

TENTANG PENULIS

Mohd Syaubari Bin Othman merupakan pelajar Ijazah Kedoktoran (Pendidikan Islam) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris. Berasal daripada Sik, Kedah dan sekarang menetap di Sitiawan, Perak. Berpengalaman menulis jurnal-jurnal dan membentangkan artikel yang telah diindeks sama ada terbitan tempatan dan antarabangsa

Ahmad Yunus Bin Kassim merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. Berasal daripada Sabak Bernam dan sekarang menetap di Bandar Baru Bangi, Selangor. Berpengalaman menulis jurnal-jurnal dan membentangkan artikel yang telah diindeks untuk terbitan tempatan dan antarabangsa